TAJUK : REKOD TAK LENGKAP

1. Data diperoleh daripada buku akaun seorang peruncit. Beliau tidak menyimpan akaunnya dengan lengkap

	1.12.03	31.12.03
Inventori	3 000	3 200
Alatan pejabat	4 000	3 500
Tunai	700	500
Ak Belum Terima	4 600	6 000
Bank	700	1 800
Ak Belum Bayar	3 300	4 700

Hitungkan untung atau rugi perniagaan peruncit itu pada 31 Disember 2003

A Rugi RM600

B Untung RM600

C Untung RM9 700

D Rugi RM10 300 Spm04

2. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan amalan rekod tak lengkap?

I Urus niaga dicatatkan dalam Buku Tunai sahaja

II Urus niaga dicatat dengan menggunakan system catatan bergu

III Dokumen perniagaan tidak disimpan secara sistematik

IV Rekod akaun belum terima dicatat dalam Buku catatan Harian sahaja

A I,II dan III C I, III dan IV

B I, II dan IV D II,III dan IV spm05

3. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Dee Mara

	RM
Modal pada 1 Mei 2004	50 000
Modal pada 30 April 2005	61 000
Modal tambahan	5 000
Ambilan	500

Hitung untung bersih atau rugi bersih bagi tahun berakhir 30 April 2005

A Untung bersih RM15 500

B Untung bersih RM6 500

C Rugi bersih RM15 500

D Rugi bersih RM6 500 Spm05

4. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Rahmat

	RM
Modal awal	10 500
Modal akhir	15 000
Modal tambahan	1 500
Ambilan	800

Hitung untung bersih perniagaan tersbut

A RM3 000
B RM3 700
C RM3 800
D RM4 500 Spm06

5. Puan Nor Iman, pemilik perniagaan Umi merupakan peniaga runcit yang mengamalkan rekod tak lengkap.
Berikut merupakan asset dan liability pada 31 Mei 2006

	RM
kenderaan	20 000
Ak Belum Terima	8 000
Ak Belum Bayar	4 500
Inventori	11 200
Sewa belum terima	560

Berapakah modal pada 31 Mei 2006?
A RM28 260
B RM32 140
C RM33 260
D RM34 140 Spm06

6. Apakah kelemahan system catatan tunggal?
I Ketepatan perekodan akau ntidak dapat diuji
II Kesilapan catatan tidak mudah dikesan
III Imbangan duga tidak dapat disediakan
IV Untung atau rugi tidak dapat ditentukan
A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV spm07

7. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan En Dell

	1.1.06	31.12.06
Modal	10 000	13 500

Maklumat tambahan:
i) Ambilan dalam tahun 2006 ialah RM600
ii) Modal tambahan RM1 000 dibawa masuk dalam tahun itu
Berapakah untung atau rugi bersih ?
A Untung bersih RM3 100
B Untung bersih RM3 900
C Rugi bersih RM3 900
D Rugi bersih RM3 100 Spm07

8. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Batu Embun yang mengamalkan system catatan tunggal

	1.8.06	31.7.07
Gaji belum bayar	RM450	RM1 200

Maklumat tambahan:

i) Gaji sebanyak RM2 350 telah dibayar dengan cek pada 28.7.2007

Berapakah jumlah gaji bagi tahun kewangan tersebut ?

A RM1 600

B RM2 350

C RM3 100

D RM4 000 Spm07

9. Situasi rekod tak lengkap yang manakah boleh berlaku dalam sesebuah perniagaan?

A Tiada kawalan tunai dalam perniagaan

B Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah

C Jumlah imbangan duga tidak dihitung dengan tepat

D Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik. Spm08

10. Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Razif

	RM
Modal awal	4 500
Untung bersih	2 620
Modal tambahan	1 500
Ambilan	620

Berapakah modal akhir Kedai Razif?

A RM5 000

B RM6 240

C RM8 000

D RM9 240 Spm08

11. Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Balqis yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap.

Penyata Mengira Modal pada 1 Jan 2007

	RM
P	45 500
Tolak Q	15 500
	30 000

Apakah butiran P dan Q?

A Hasil dan belanja

B Aset dan Liabiliti

C Modal akhir dan modal awal

D Aset semasa dan liability semasa

Spm08

12. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kaar Ell

	RM
Modal pada 1 Mei 2007	50 000
Modal pada 30 Apr 2008	61 000
Modal tambahan	5 000
Ambilan	500

Berapakah pulangan Perniagaan Kaar Ell?

A Untung bersih RM15 500
B Untung bersih RM6 500
C Rugi bersih RM15 500
D Rugi bersih RM6 500 Spm09

13. En Firdaus seorang peniaga mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap. Beliau membuat analisis berkaitan perabot perniagaannya seperti berikut:

	RM
Baki perabot pada 1.1.09	1 250
(+) Beli perabot baru	750
	2 000
(-) Baki perabot 31.12.09	1 500
Z	500

Apakah Z?

A Susut nilai perabot
B Rugi jualan aset
C Untung jualan perabot
D Baki perabot pada 1.1.10 Spm10

14. Akaun kadar bayaran berikut disediakan untuk Perniagaan Runcit Samy yang mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap.

Akaun kadar bayaran

1.1.09	Baki b/b	190	31.12.09	U/rugi	970
	Bank	670			
31.12.09	Baki h/b	110			
		970			970

Berapakah kadar bayaran terakru perniagaan tersebut?

A RM110 C RM590
B RM190 D RM670 Spm10

15. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan En Muru yang tidak mengamalkan system catatan bergu

	1.1.09	31.12.09
Ak Belum Bayar	RM3 200	RM5 500

Maklumat tambahan:
i)Pulangan belian RM500
ii)Pembayaran kepada AK Belum Bayar RM4 200
Berapakah jumlah belian kredit?

A RM1 400 C RM6 000
B RM2 400 D RM7 000 spm10

16. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Rahmat pada 31 Dis 2009

	RM
Modal awal	10 500
Modal akhir	15 00
Modal tambahan	1 500
Untung bersih	3 750

Berapakah ambilan perniagaan tersebut?

A RM750
B RM2 250
C RM4 500
D RM5 250 Spm10

17. Data berikut diperoleh dari buku-buku perniagaan Puan Khalida yang menyimpan rekod perniagaan dengan tidak lengkap.

	RM
Baki Ak Belum Bayar 1.1.10	5 600
Bayaran kpd Ak Belum Bayar	17 414
Diskaun diterima	792
Pulangan belian	566
Baki Ak Belum Bayar 31.12.10	3 980

Berapakah belian kredit bagi tahun berakhir 31 Dis 2010?

A RM15 794
B RM17 152
C RM19 260
D RM20 392 Spm11

18. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Asiah pada 31 Mac 2011.

	RM
Inventori awal	5 400
Belian	16 340
Pulangan belian	480

Maklumat tambahan:
Asiah mengambil barang niaga bernilai RM300 untuk kegunaan sendiri.
Berapakah belian bersih Kedai Asiah?

A RM15 860
B RM16 040
C RM16 160
D RM20 960 Spm11

19. Rumus berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sesuatu perniagaan

Modal Akhir + X – Y – Modal Awal

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Modal tambahan	Ambilan
B	Modal kerja	Ambilan
C	Ambilan	Modal tambahan
D	Modal	Modal kerja

20. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Muru yang gagal mengamalkan system catatan bergu.

	RM
Baki Ak Belum Bayar 1.1.2011	3 200
Baki Ak Belum Bayar 31.12.2011	5 500

Maklumat tambahan:

i)Pulangan belian RM500

ii)Pembayaran kpd Ak belum bayar
RM4 200

Berapakah belian kredit?

A RM1 400

B RM2 400

C RM6 000

D RM7 000 Spm12